

# RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

# ANTIBIOTIK-ANTIBIOTIK

## **Doxycycline Minocycline Tetracycline**



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



### *Adding years of healthy life*



A member of the NUHS



member of the NUHS



Jurong Health



 SingHealth



## MENGENAI ubat anda

Doxycycline, Minocycline dan Tetracycline digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan bakteria. Mereka didapati sebagai ubat oral. Tetracycline juga didapati dalam bentuk salap mata dan kulit.

## BAGAIMANA untuk saya mengambil/menyapu ubat?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterangan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk menggunakan ubat anda.

### Kapsul oral

Ambil ubat anda dengan satu gelas air penuh. Ubat-ubat ini paling baik diambil dalam perut kosong (sama ada 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan). Namun, jika ubat ini menyebabkan kepedihan perut anda, anda boleh mengambil ubat dengan makanan.

Jangan mengambil susu, produk-produk tenusu lain, antasid atau zat besi dalam masa 2 jam semasa pengambilan ubat-ubat ini.

Semua antibiotik yang dipreskripsi patut diambil sampai habis walaupun anda mungkin berasa lebih baik selepas beberapa hari. Rawatan yang tidak mencukupi boleh mengakibatkan jangkitan berulangan atau menyebabkan terjadinya rintangan terhadap rawatan.

Ambil dos-dos ubat pada selang waktu yang tetap.

### Salap mata:

- Cuci tangan anda.
- Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut untuk membentuk satu saku. 1-cm salap biasanya sudah mencukupi kecuali arahan yang lain diberikan oleh doktor anda. Tutup mata anda dan biarkannya ditutup selama 1 hingga 2 minit.
- Untuk mengekalkan ubat dalam keadaan bebas daripada bakteria, jangan biarkan hujung depan tiub ubat tersentuh sebarang permukaan (termasuk mata).
- Selepas penggunaan salap mata, gelap hujung depan salap dengan kertas tisu bersih dan tutup tiub ubat rapat.

### Salap kulit:

- Teruskan penggunaan ubat ini sepanjang masa rawatan untuk menghapuskan jangkitan sepenuhnya.
- biarkan ubat tersentuh pakaian anda kerana ini mungkin menyebabkan pewarnaan.
- Jangan biarkan ubat tersentuh mata.
- Sebelum penyapuan ubat ini, cuci kawasan berkenaan dengan air panas dan sabun, basuhkannya dengan baik dan keringkan sepenuhnya.
- Selepas penyapuan ubat ini, anda boleh menutupi kawasan rawatan dengan pembalut kain kasa seperti yang anda ingin.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Kesan-sesaan sampingan yang biasa termasuk mual, muntah dan cirit-birit.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan kulit anda menjadi sensitif terhadap cahaya matahari. Pendedahan kepada cahaya matahari mungkin menyebabkan ruam kulit, kegatalan atau kemerahan kulit atau selaran matahari yang teruk.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan pewarnaan gigi pada setengah kanak-kanak dan bayi. Periksa dengan doktor anda jika anda memerhatikan kesan ini atau jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai kesan-sesaan sampingan ini.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil setengah ubat, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.
- Jangan memberikan ubat-ubat ini kepada bayi atau kanak-kanak di bawah umur 8 tahun kecuali diarahkan oleh doktor anda kerana ini boleh menyebabkan pewarnaan gigi yang kekal.
- Periksa dengan doktor anda jika simptom-simptom anda tidak betambah baik dalam masa beberapa hari (atau beberapa minggu atau bulan untuk pesakit akne) atau jika keadaan bertambah buruk.
- Elakkan cahaya matahari langsung terutamanya waktu di antara 10am hingga 3 pm. Pakai pakaian yang melindungi dan juga menyapu produk-produk penghalang cahaya yang mempunyai Faktor Pelindung Cahaya (SPF) sekurang-kurangnya 15.

Pil-pil Pencegah kehamilan yang mengandungi estrogen mungkin tidak akan bertindak jika anda mengambil pil-pil tersebut semasa anda mengambil antibiotik-antibiotik ini. Anda patut menggunakan cara yang berlainan atau tambahan untuk mencegah kehamilan semasa anda mengambil ubat-ubat ini.

Jika anda sedang mengambil minocycline, anda mungkin rasa pening, pitam dan rasa goyang dalam pergerakan. Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak terhadap ubat ini sebelum anda memandu, mengendalikan mesin atau melakukan sebarang sesuatu yang mungkin membahayakan jika anda rasa mengantuk atau tidak segar.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.